

Hujan setengah jam Jalan Tun Razak banjir

KUALA LUMPUR - Ribuan pengguna jalan raya yang melalui Jalan Tun Razak menuju ke bukit Pahang, cemas seketika apabila banjir kilat berlaku di jalan itu semalam.

Difahamkan hujan lebat bermula pukul 4 petang itu hanya mengambil masa 30 minit sehingga menyebabkan laluan itu tenggelam dan berlaku kesesakan teruk.

Wartawan *KOSMO!* yang kebetulan melalui jalan itu mendapati ribuan pengguna terpaksa 'merempuh' jalan itu kerana tiada jalan pilihan lain yang boleh dilalui.

Pengguna motosikal pula terpaksa menunggu di laluan sebelah kiri bagi memudahkan kenderaan kereta dan lori melalui jalan itu.

Bagaimanapun tidak berlaku sebarang kemalangan kerana hujan yang lebat telah berhenti tepat pukul 4.30 petang.



JALAN Tun Razak berhadapan Hospital Kuala Lumpur sesak teruk apabila dinaiki air setelah hujan selama setengah jam petang semalam.